



IKLAN JAWATAN KOSONG PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) mempelawa calon-calon warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berminat untuk mengisi kekosongan jawatan seperti yang berikut:

Kumpulan Perkhidmatan	Pelaksana
Jawatan	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Gred Jawatan	N19
Taraf Lantikan	Pekerja Sambilan Harian (PSH)
Skala Upah	RM 78.46 / Sehari
Tempoh Lantikan	Enam (6) bulan (Boleh dipertimbangkan ke Lantikan Kontrak)



SYARAT PERMOHONAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- Warganegara Malaysia.
- Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
- SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- Keutamaan kepada individu yang bermastautin dalam radius 30 km dari kawasan kampus.



SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

- i. Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi).
- ii. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Pengarah atau Pegawai Penyelia.



KAEDAH PERMOHONAN

Calon yang berminat hendaklah mengemukakan permohonan secara atas talian (*online*) di laman web <https://erekrut.unishams.edu.my/home.php> dan muat naik dokumen-dokumen berkaitan yang disahkan benar pada pautan **Google Form** yang dinyatakan di dalam laman sesawang tersebut.

Sila nyatakan gaji yang ingin dipohon dan sertakan slip gaji terkini sebagai rujukan.

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI URUSETIA

Puan Siti Nadzirah binti Mohd Norizan
Unit Perjawatan (Bukan Akademik), Bahagian Sumber Manusia,
Pejabat Pendaftar
E-mel: unitperjawatan@unishams.edu.my | No. Telefon: 04-4491057



TARIKH TUTUP PERMOHONAN

11 DISEMBER 2025